BIOGRAFI

IMAM PENDIRI TAREQAT

AN-NAQSYABANDIYYAH

Al-'Arif Billah

Saiyidina Muhammad Shah Naqshaband

Al-Husaini • Al-Bukhari • Al-Uzbekistani

BIOGRAFI

IMAM PENDIRI TAREQAT

AN-NAQSYABANDIYYAH

Al-'Arif Billah

Saiyidina Muhammad Shah Naqshaband

Al-Husaini • Al-Bukhari • Al-Uzbekistani

Petikan dari kitab Jāmi' Karāmat Al-Awliyā'
oleh Al-Quthb Saiyidina As-Syeikh Yusuf
An-Nabhāni رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم

Penyelenggara teks :
Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani Al-Mālīzi

Alih bahasa :
Ust. Rahmat Muhamad Al-Jawiy

Diterbitkan oleh :
Zawiyah Sydna Abul Hasan As-Syazili
Lot 177, Jalan Balai Panjang, Kg. Durian Daun,
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus
Malaysia
+60 18-662 7025

Penyelenggara teks :
Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani Al-Mālīzi

Alih bahasa & hakcipta terjemahan :
© Ust. Rahmat Muhamad Al-Jawiy Al-Mālīzi,
Wakil Tareqat As-Syaziliyyah Negeri Sembilan

Terbitan pertama :
Zulhijjah 1447H /Mei 2026M

Majālis Ar-Rahmatul Muhdāh
https://t.me/+ABsgA4KYIXplZWRI

Sekapur Sireh

Sepuluh tahun yang lampau aku direzekikan berkunjung ke Negara Uzbekistan yang Muslim itu ; bumi subur yang padanya ada negeri agung Bukhara, yang berkurun-kurun lamanya menjadi pusat pancaran cahaya Islam dan sinar *tajalli* keindahan dari yang Maha Rahman ke atas kaum Muslimin para penghuninya. Negeri yang sayogia menerima penghormatan tulus kerana sejarah panjangnya dalam membumikan rukun-rukun Islam, cahaya-cahaya Iman dan rahsia-rahsia Ihsan.

Peninggalan nenek moyang zaman bahari, monumen-monumen kuno, masjid-masjid tua yang amat banyak, berbagai madrasah dan pusat keilmuannya masih kukuh berdiri dan menjadi saksi keagungan sejarah kota klasik ini. Kali pertama saat menziarahinya aku merasa amat terkesan dengan masjid-masjidnya yang berukuran gergasi serta seni bina dan ragam hias Islami-nya yang amat indah. Tak berlebihan kalau aku berkata bahawa di sana terdapat lebih dari satu masjid yang saiznya sebesar Masjid Nabawi yang mulia عَلَى صَاحِبِهَا أَفضَلُ الصَّلَاةِ وَأَطيَبُ السَّلَامِ.

Di negeri inilah telah lahir seorang tokoh agung dari kalangan penyandang martabat-martabat kemulian yang puncak, satu bintang dari gugusan bintangnya para wali besar ; hadrat Saiyidina As-Syeikh Muhammad Bahā' Shāh An-Naqsyabandi رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم. Sehingga ke hari ini bertali arus tak pernah putus delegasi dari para penuntut Tareqat An-Naqsyabandiyyah datang menziarahinya sepanjang tahun dan makamnya yang mulia itu terletak di sebidang taman terindah di Bukhara .. taman yang menyegarkan rohani dan jasmani tiap mata yang memandangnya.

Semoga ALLAH mengkuduskan rohnya dan semoga ALLAH menyinari pusaranya dengan nur di martabat-martabat syurgawi yang tertinggi, dengan *jāh* Baginda Nabi yang budiman ﷺ.

Berserta mahabbah dan takzim,
Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani
Al-Madani Al-Mālīzi

Mukaddimah

الحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِينَ ❊ الحَمدُ لِلّٰهِ الَّذِي بِنِعمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ ❊ وَأَشهَدُ أَن لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ الكَبِيرُ المُتَعَالُ الحَقُّ المُبِينُ ❊ وَأَشهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَمَولَانَا مُحَمَّد عَبدُ اللّٰهِ وَرَسُولُهُ وَنَبِيُّهُ وَحَبِيبُهُ وَأَشرَفُ خَلقِهِ ﷺ صَادِقُ الوَعدِ الأَمِينُ ❊

"Segala puji bagi ALLAH Tuhan semesta alam. Segala puji bagi ALLAH yang dengan nikmatNYA jua sempurnalah segala kesolehan. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain ALLAH yang Maha Besar Maha Meninggi Diri Maha Benar lagi Maha Terang Jelas, dan aku bersaksi bahawa Saiyidina wa Maulana Muhammad adalah abdinya ALLAH, Rasul-NYA, Nabi-NYA, kekasih-NYA lagi ciptaan-NYA yang termulia ﷺ dan Baginda itu jujur janjinya lagi terpercaya".

صَلِّ اللّٰهُمَّ وَسَلِّم وَبَارِك عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصحَابِهِ وَإِخوَانِهِ مِنَ الأَنبِيَاءِ وَالمُرسَلِينَ ❊ وَخُلَفَائِهِ إِلَى يَومِ الدِّينِ ❊ وَوُرَّاثِهِ وَنُوَّابِهِ فِي كُلِّ زَمَانٍ وَمَكَانٍ ❊ إِلَى أَن يَرِثَ اللّٰهُ الأَرضَ وَمَن عَلَيهَا وَأَنتَ خَيرُ الوَارِثِينَ ❊

"ALLAHumma kurniailah selawat salam dan berkat keatas Baginda, keluarganya, para sahabatnya dan para ikhwannya dari kalangan anbiya' wal mursalin, juga para khalifah Baginda hingga ke Hari Pembalasan, juga para timbalan Baginda di setiap tempat dan masa sehinggalah ALLAH mewariskan bumi ini dan siapa yang di atasnya, dan ENGKAU-lah ya ALLAH sebaik-baik pemberi warisan".

وَاجعَلِ اللّٰهُمَّ بَرَكَاتِهِم وَأَسرَارَهُم وَأَنوَارَهُم ❊ عَلَينَا وَعَلَى أَحبَابِنَا وَأَهلِينَا وَأَولَادِنَا وَبَنَاتِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا ❊ إِلَى يَومِ أَن نَلقَاكَ وَأَنتَ يَا رَبَّنَا رَاضٍ عَنَّا ❊ وَسِيدنَا النَّبِي ﷺ رَاضٍ عَنَّا ❊ وَأَهلُ عِزِّنَا وَسَنَدِنَا وَمَن أَحسَنَ إِلَينَا وَمَن أَسَأنَا إِلَيهِ رَاضُونَ عَنَّا ❊ بِإِذنِكَ يَا اللّٰهُ وَتَوفِيقِكَ يَا إِلٰهِي وَعِنَايَتِكَ يَا سَيِّدِي ❊ اللّٰهُمَّ رَبَّنَا آمِين ❊ بِسَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَبِجَاهِهِ العَظِيمِ عِندَكَ يَا رَحمٰنُ يَا رَحِيمُ ❊

"ALLAHumma dan jadikanlah segala keberkatan mereka, segala sirr dan nur mereka mengalir kepada kami, kepada mereka yang kami kasihi, sanak keluarga, anak-anak dan zuriat kami sehingga ke hari kami datang mengadap-MU dan ENGKAU saat itu wahai ROBBANA meredhoi KAMI, Sidnan Nabi ﷺ juga meredhoi kami, ahli kemuliaan kami, ahli sanad kami, mereka yang berbuat ihsan kepada kami dan mereka yang kami telah sakiti juga semuanya meredhoi kami, dengan izin-MU ya ALLAH, dengan taufik-MU ya ILAHI,

dengan `inayah-MU wahai TUAN kami. ALLAHumma ROBBANA amin, demi Saiyidina wa Maulana Muhammad dan demi jāh Baginda yang agung disisi-MU ya Rahman ya Rahim".

Inilah biografi syeikh teragung bagi At-Thorīqoh An-Naqsyabandiyyah ; Saiyidina Al-Quthb Al-Ghauts yang menjadi tuan punya zaman di waktunya dan keberkatan bagi eranya iaitu As-Syeikh Al-Bukhāri Al-Hajj As-Saiyid Muhammad Bahā`uddin Shāh Al-Husaini An-Naqsyabandi As-Sunni Al-Islami رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم وَنَفِعنَا بِهِم فِي الدَّارَينِ. Lembaran-lembaran ini telah ku petik dari sebuah kitab dua jilid yang agung nilainya, ditulis oleh Al-Quthb Saiyidina As-Syeikh Yusuf An-Nabhāni رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم yang memetik dan menghimpun dari perbendaharaan dan *manāqib* para *Masyaikhul Islam wal Muslimin* zaman berzaman lalu memberinya judul *Jāmi' Karāmāt Al-Awliyā'* رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم. Semoga kita beroleh manfaat dari mereka dan dari segala *sirr, nūr* dan ilmu mereka.

وَيَا إِلٰهِي وَسَيِّدِي وَمَولَايَ بِجَاهِ حَبِيبِكَ الأَنوَرِ وَرَسُولِكَ الأَفخَمِ خَلِّقنَا بِأَخلَاقِهِم ❋ وَأَدِّبنَا بِآدَابِهِم ❋ وَاجعَلنَا عَلَى آثَارِهِم هَادِينَ مُهتَدِينَ ❋ بِجَاهِ

كُلِّ جَاهٍ عِندَكَ يَا اللهُ ❊ وَعِندَ حَبِيبِكَ سَيِّدِنَا وَمَولَانَا رَسُولِ اللهِ ﷺ ❊ وَالحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِينَ ❊

"Ya ILAHI wahai TUAN-ku wahai Tuhanku, dengan jāh kekasih-MU yang paling bercahaya lagi Rasul-MU yang paling megah, kurniailah kami dapat berakhlak dengan akhlak mereka, adabkan-lah kami dengan adab mereka dan jadikanlah kami mengikuti perjalanan mereka dengan hidayah dan mendapat hidayah. Dengan jāh setiap jāh disisi-MU ya ALLAH dan juga disisi kekasih-MU Saiyidina wa Maulana RasuluLLAH ﷺ. Walhamdulillahi Robbil Alamin".

Kelahiran & Masa Muda

Hadrat As-Syeikh Muhammad Bahā`uddīn Shāh Naqsyaband Al-Bukhāri adalah syeikh agung bagi At-Thorīqoh Al-`Aliyyah An-Naqsyabandiyyah, juga salah seorang dari kalangan imam besar kaum Ṣūfiyyah yang dimuliakan. Beliau mengambil jalan tareqat daripada As-Syeikh Muhammad Bābā As-Samāsi dan kemudian daripada Saiyid Amīr Kulāl.

Beliau dilahirkan pada tahun 717 Hijrah di Desa Qaṣr Al-`Ārifān yang jauhnya sekitar satu *farsakh* (kira-kira 11 km) dari Bukhara. Syeikh Bahā`uddīn menceritakan : "Tatkala Syeikh Muhammad Bābā As-Samāsi meninggal dunia, datukku membawa aku ke Samarkand. Setiap kali beliau mendengar ada orang soleh kalangan *Ahlillah*, beliau akan membawaku menziarahinya dan memohon agar dia mendoakan-ku, maka beroleh-lah aku limpahan barakah dari mereka. Dari Samarkand datuk membawaku pulang ke Bukhara lalu mengahwinkan aku di sana. Adapun tempat menetapku di Qaṣr Al-`Ārifān.

Bermulanya Kesedaran Rohani

Antara *`ināyah* (perhatian) Ilāhiyyah yang dikurniakan kepadaku ialah aku telah beroleh *qalansuwah* (kopiah) *al-`azīzān* pada masa-masa itu, maka ehwal rohaniku menjadi semakin bagus dan cita-cita hatiku semakin teguh, hingga akhirnya aku beroleh anugerah dapat ber-*ṣuhbah* (berdamping berguru) dengan As-Saiyid Amīr Kulāl قُدِّسَ سِرُّهُ.

Beliau mengkhabarkan kepadaku bahawa Syeikh Muhammad Bābā As-Samāsī قُدِّسَ سِرُّهُ pernah berwasiat kepadanya mengenai diriku. Kata beliau : "Jangan sekali-kali engkau berasa lelah dalam mentarbiyah anakku Muhammad Bahā`uddīn, dan jangan engkau abaikan kasih sayang terhadapnya. Aku tidak meredhaimu sekiranya engkau cuai dalam perkara ini", maka As-Saiyid Amīr Kulāl pun menjawab kepada beliau : "Jika aku mensia-siakan wasiatmu ini nescaya bukanlah aku seorang *rijāl*". Dan sesungguhnya beliau telah menunaikan janjinya itu".

As-Syeikh Bahā`uddīn Shāh Naqsyaband قَدَّسَ اللهُ سِرَّه menceritakan : "Bermulanya kesedaran rohani dan taubatku ialah peristiwa saat aku sedang duduk bersama seorang teman di dalam ruang *kholwah*. Ketika

aku berpaling kepadanya dan berbicara dengannya tiba-tiba aku mendengar satu suara berkata kepadaku : "Belum sampaikah masanya engkau berpaling daripada segala sesuatu, lalu *tawajjuh* menghadapkan diri sepenuhnya kepada hadrat KAMI?". Setelah mendengarkan kalam itu berlakulah kepada diriku suatu *hāl* yang amat agung. Aku segera keluar dari rumah itu dalam keadaan tidak tenteram serba tak kena. Berdekatan tempat itu ada sumber air, lalu aku mandi di situ dan mencuci pakaianku. Dalam keadaan *inābah* (kembali rujuk kepada ILAHI) yang menyelubungi jiwa aku mendirikan solat dua rakaat ; itulah dua rakaat yang telah bertahun-tahun lamanya aku dambakan untuk mengerjakan sepertinya namun sebelumnya aku tak pernah diberi kemampuan untuk mencapainya".

As-Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ menceritakan : "Pada permulaan *jadzbah* dikatakan kepadaku : "Bagaimana engkau hendak memasuki jalan ini?",

maka aku menjawab : "Dengan syarat bahawa segala yang aku katakan dan aku kehendaki itulah yang terlaksana".

Lalu dikatakan kepadaku : "Bahkan segala yang Kami katakan-lah yang wajib terlaksana".

Aku menjawab : “Aku tidak mampu menanggung yang demikian. Sekiranya segala yang aku kehendaki menjadi kenyataan nescaya akan ku letakkan kakiku di jalan ini. Jika tidak, maka tidaklah aku mahu”.

Kejadian itu berulang hingga dua kali, kemudian mereka membiarkan aku sendiri selama lima belas hari. Maka datanglah rasa putus asa yang amat berat kepadaku. Sesudah itu dikatakan pula kepadaku : “Apa yang engkau kehendaki itu akan diberikan”,

maka aku berkata : “Aku mahu jalan tareqat yang sesiapa sahaja memasukinya akan dimuliakan mencapai maqam *al-wuṣūl*”.

As-Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ menceritakan : “Di masa awal perjalanan *sulūk*-ku saat *hāl* sedang sangat menguasai diri, aku menjadi seorang yang tak mengenal ketenangan ; di malam hari aku berkeliling sekitar Bukhara dan menziarahi perkuburan. Pada suatu malam aku menziarahi makam Syeikh Muhammad Bin Wāsi‘. Di sisi makamnya aku mendapati sebuah pelita berisi minyak yang penuh dan sumbunya panjang ; hanya sahaja sumbu itu memerlukan sedikit pembetulan agar minyaknya naik lalu cahayanya kembali terang. Tak lama kemudian datang isyarat kepadaku agar pergi berziarah ke makam Syeikh

Ahmad Al-Ajfaryūli. Tatkala aku tiba di sana, aku mendapati sebuah pelita yang menyala dalam keadaan yang sama. Tiba-tiba muncul dua orang lelaki ; mereka mengikatkan dua bilah pedang pada pinggangku lalu menunggangkan aku ke atas seekor keldai dan mengarahkannya menuju makam Syeikh Mazdkhan قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ.

Apabila kami sampai, aku melihat di sana juga ada pelita seperti dua yang sebelumnya. Maka turunlah aku lalu duduk ber-*tawajjuh* menghadap kiblat. Dalam *tawajjuh* itu berlaku kepada diriku *ghaybah* (hilang dari diri sendiri). Dalam *ghaybah* itu aku melihat dinding arah kiblat terbelah, lalu tampak sebuah pangkin yang tinggi. Di atasnya duduk seorang lelaki yang sangat agung martabatnya, dan di hadapannya terlabuh suatu tirai. Di keliling pangkin itu hadir sekumpulan manusia, antara mereka Syeikh Muhammad Bābā As-Samāsī. Aku berkata di dalam hatiku : 'Siapakah lelaki agung ini, dan siapakah mereka yang berada di sekelilingnya?". Maka salah seorang daripada mereka pun mengujar kepadaku : "Adapun lelaki agung ini adalah Syeikh Abdul Khāliq Al-Ghujdawāni, dan mereka yang mengelilinginya adalah para khalifah beliau", lalu dia menunjuk kepada mereka seorang demi seorang sambil berkata : "Ini Syeikh Ahmad As-Ṣiddīq. Ini Syeikh Awliyā' Al-Kabīr. Ini Syeikh `Ārif Al-

Riwkari. Ini Syeikh Mahmud Al-Anjīrnaghnawi. Ini Syeikh Ali Ar-Rāmītani".

Apabila sampai kepada Syeikh Muhammad Bābā As-Samāsī dia berkata : "Dan yang ini telah engkau melihatnya semasa hayatnya, dialah syeikh-mu. Dia telah memberikan kepadamu *qalansuwah*. Apakah engkau mengenalinya?", aku menjawab : Benar". Pada ketika itu kisah *qalansuwah* tersebut telah lama berlalu hingga aku sendiri sudah melupakannya. Kemudian dia berkata lagi : ".. dan *qalansuwah* itu masih berada di rumahmu. Dengan barakahnya ALLAH telah mengangkat daripadamu suatu bala besar yang hampir menimpamu".

Syeikh meneruskan kisahnya : "Kemudian jamaah itu berkata kepadaku : "Tetapkan pendengaranmu baik-baik, kerana hadrat Syeikh besar ingin menyampaikan kepadamu sesuatu yang sangat engkau perlukan dalam menempuh jalan yang hak". Maka aku meminta izin untuk menyalami beliau lantas mereka menyingkap tirai itu dan aku pun memberi salam kepadanya. Hadrat Syeikh mula berbicara soal *ahwāl sulūk* ; permulaannya, pertengahannya dan kesudahannya, sehingga beliau berkata :

"Adapun pelita-pelita yang engkau lihat dalam keadaan demikian itu, maka semuanya adalah berita gembira dan isyarat bahawa engkau memiliki kesiagaan sempurna penerimaan bagi jalan ini. Akan tetapi, sumbu kesiapan itu mesti digerakkan agar sinar cahayanya menjadi kuat dan segala *sirr* pun tersingkap. Maka tunaikanlah hak penerimaan itu, nescaya engkau akan mencapai segala yang dicita-citakan.

Hendaklah engkau *istiqāmah* dan teguh di atas jalan syarī`ah yang suci dalam setiap keadaan. Laksanakan-lah *amar makruf* dan *nahi munkar*, berpeganglah dengan *`azīmah* (ketegasan hukum), jauhilah *rukhsah* (kelonggaran hukum) dan bid`ah.

Jadikanlah kiblatmu hadis-hadis Baginda Al-Musthofa ﷺ. Selidikilah perkhabaran Baginda, peninggalan-peninggalan Baginda dan ehwal para sahabatnya yang agung",

kemudian beliau dengan bersungguh-sungguh memberi penekanan dan menggesa aku agar berpegang dengan semua itu.

Setelah selesai bicara itu, khalifah beliau pun berkata kepadaku : "Tanda benarnya *wāqi`ah* (pengalaman rohani)mu ini ialah bahawa esok engkau hendaklah pergi menemui Maulana Syamsuddin Al-Anīkūtī, lalu khabarkan kepadanya bahawa dakwaan lelaki Turki terhadap si penjual air itu adalah benar, dan pihak yang benar adalah si lelaki Turki itu, sedangkan engkau selama ini menyebelahi si penjual air.

Jika penjual air mengingkari dakwaan ini, maka katakanlah kepadanya : Aku mempunyai dua bukti ; yang pertama wahai penjual air engkau adalah orang dahaga -dan dia akan faham apa makna perkataanmu ini-. Bukti kedua ialah engkau telah mendatangi seorang perempuan yang bukan muhrim-mu sehingga dia hamil daripadamu, kemudian engkau memujuk dia menggugurkan kandungan itu lalu engkau telah menanamnya di tempat sekian, di bawah pohon anggur".

Kemudian khalifah berkata lagi : "Apabila engkau telah menyampaikan risalah ini kepada Maulana Syamsuddin, maka pada hari berikutnya ambillah tiga butir anggur kering lalu pergilah ke Nasaf untuk berkhidmat kepada As-Saiyid Kulāl. Dalam perjalanan itu engkau akan menemui seorang syeikh di suatu tempat tertentu. Dia akan memberi kepadamu

sekeping roti panas. Ambil-lah roti itu daripadanya dan jangan berkata apa-apa kepadanya, lalu teruskan saja perjalananmu.

Kemudian engkau akan melewati satu kafilah. Setelah engkau melintasinya, seorang penunggang kuda akan datang menyambutmu. Maka nasihatilah dia kerana sesungguhnya taubatnya akan berlaku melalui tanganmu. Dan bawalah bersama *qalansuwah al-`azīzān* itu, berikan ia kepada As-Saiyid Kulāl".

Sesudah itu mereka menggerakkan-ku, lalu aku pun kembali sedar seperti biasa. Apabila pagi menjelang, aku pulang ke rumahku di Zīwartūn lantas bertanya kepada ahli keluargaku tentang *qalansuwah* tersebut. Mereka membawakannya kepadaku seraya berkata : "Ia telah sekian lama tersimpan di tempat itu". Tatkala aku melihatnya, datanglah kepadaku suatu *hāl* yang sangat agung dan aku menangis sejadi-jadinya.

Aku mengambil *qalansuwah* lalu serta merta berangkat menuju Abnīkīyah -salah satu kampung di sekitar Bukhara-. Aku mendatangi masjid Maulana Syamsuddin dan menunaikan solat subuh bersamanya. Sesudah itu aku menyampaikan kepadanya apa yang telah diamanahkan kepadaku untuk menyampaikannya. Beliau jadi bingung.

Ketika itu si penjual air turut hadir. Dia mengingkari dakwaan lelaki Turki tersebut. Maka aku pun mengemukakan kepadanya bukti yang telah disebutkan sebelumnya, namun dia tetap mendustakan soal keji itu. Maka beberapa orang daripada ahli masjid pergi ke lokasi yang disebutkan dan menggali tanahnya. Mereka mendapati janin yang digugurkan itu benar-benar tertanam di situ. Si penjual air pun mula meminta ampun dan memberikan alasan itu dan ini. Maulana Syamsuddin dan para jemaah masjid menangis dan berlakulah kepada mereka *ahwāl* yang amat besar.

Pada keesokan harinya aku bertekad untuk berangkat menuju Nasaf melalui jalan yang telah ditentukan kepadaku dalam *wāqi`ah* tersebut. Aku membawa bersamaku tiga butir anggur kering. Sampailah khabar akan perginya aku kepada Maulana lalu beliau mengutus seseorang memanggilku. Beliau melayanku dengan penuh kelembutan dan berkata : "Sesungguhnya aku melihat derita pencarian telah menguasai dirimu, kerinduan untuk mencapai *wuṣūl* telah membakar hatimu, sedangkan penawarmu ada di sisi kami. Maka tinggal-lah di sini agar kami dapat menunaikan hak tarbiyahmu dan menyampaikanmu kepada setinggi-tinggi cita-cita rohanimu, sesuai dengan keluhuran hemah-mu". Namun aku mendapati

diriku berkata kepada beliau : “Diriku adalah anak kepada selainmu Tuan ; sekalipun Tuan meletakkan puting susu tarbiyah ke dalam mulutku, tiadalah diriku akan menerimanya”. Maka beliau pun diam dan mengizinkan aku meneruskan perjalanan.

Aku mengikat pinggangku dengan kain bengkung dan meminta dua orang untuk menariknya hingga ketat dari kedua-dua hujungnya supaya ikatannya benar-benar kukuh. Setelah itu aku pun berjalan. Apabila sampai ke tempat yang telah disebutkan kepadaku, aku bertemu seorang syeikh. Dia memberiku sekeping roti yang masih hangat. Aku mengambilnya tanpa berkata apa-apa lalu meneruskan perjalanan.

Kemudian aku bertemu satu kafilah. Mereka bertanya kepadaku : “Dari manakah engkau datang?”. Aku menjawab : “Dari Abnīkīyah”. Mereka bertanya lagi : “Bilakah engkau keluar dari sana?”. Aku menjawab : “Masa matahari terbit”, padahal saat itu telah pun masuk waktu dhuha. Mereka merasa takjub lalu berkata : “Antara kampung itu dengan tempat ini jaraknya empat *farsakh* (sekitar 46 km), sedangkan kami sendiri telah berjalan sejak awal malam semalam”.

Kemudian aku meninggalkan mereka dan meneruskan perjalanan. Tak lama sesudah itu datanglah seorang penunggang kuda menyambutku. Tatkala aku mendekatinya aku pun mengucap salam. Dia lantas berkata : "Siapakah engkau? Sesungguhnya aku merasa takut kepadamu". Maka aku menjawab : "Akulah orang yang taubatmu akan berlaku melalui tangannya". Dia serta-merta turun dari kudanya dalam keadaan penuh merendah diri dan merayu lalu bertaubatlah dia. Bersamanya terdapat beberapa bekas arak, maka semuanya ditumpahkannya.

Kemudian aku meninggalkannya dan masuklah aku ke sempadan Nasaf. Maka pergilah aku ke makam As-Saiyid Amīr Kulāl. Tatkala aku beroleh kemuliaan melihat wajahnya, aku pun meletakkan *qalansuwah* itu di hadapannya. Beliau terdiam agak lama, kemudian berkata : "Ini *qalansuwah al-`azīzān*", aku berkata kepadanya : "Benar", maka beliau pun berkata : "Telah datang perintah agar ia disimpan dalam sepuluh lapis pembungkus". Maka aku pun mengambilnya dan melakukan sebagaimana yang diperintahkan.

Setelah itu beliau men-*talqin* aku zikir dengan kaifiat *an-nafy wal itsbāt* secara *khafī* (suara tidak kedengaran) dan memerintahkan aku agar sentiasa beramal dengannya. Maka aku pun mengikut seperti

ajarannya itu. Oleh kerana dalam *wāqi`ah* tersebut aku diperintah berpegang dengan *`azīmah*, maka aku tidak melakukan zikir secara *jahr* (suara kuat).

Sesudah itu aku terus melazimi para ulama untuk mengambil cahaya ilmu-ilmu syariat daripada mereka, untuk menelusuri sunnah peninggalan Saiyidina RasuluLLAH ﷺ, untuk mengaji hadis-hadis Baginda yang mulia, untuk mengkaji akhlak Baginda serta ehwal para sahabatnya yang mulia lalu beramal dengannya sebagaimana aku telah diperintahkan. Maka aku mendapati pada semua itu suatu kesan yang sempurna dan manfaat yang sangat besar. Segala yang telah dikatakan oleh Syeikh Abdul Khāliq Al-Ghujdawāni pun benar-benar berlaku ke atasku, dan tampak bagiku natijah dari setiap arahannya itu pada waktunya".

Bersuhbah Dengan Para Rijal

Hadrat Shāh Naqsyaband رَضِيَ اللهُ عَنهُ menceritakan : "Kemudian aku ber-*ṣuhbah* (berdamping berguru) dengan Maulana `Ārif Ad-Dīkārāni selama tujuh tahun, kemudian dengan Maulana Qutssam Syeikh.

Di satu malam dalam tidur aku bermimpi melihat Al-Hakīm Atā قُدِّسَ سِرُّهُ yang merupakan antara masyaikh besar bangsa Turki. Dalam mimpi itu beliau sedang berpesan tentang diriku kepada seorang darwish. Setelah aku terjaga, rupa darwish itu tetap terpahat dalam khayalku. Aku mempunyai seorang nenek yang solehah, lalu aku menceritakan mimpi itu kepadanya. Beliau pun berkata : "Wahai anakku, engkau bakal mendapat bahagian daripada masyaikh Turki".

Sejak itu aku sentiasa menanti-nantikan pertemuan dengan darwish tersebut, hinggalah akhirnya aku menemuinya di Bukhara, lalu aku mengenalinya. Namanya Khalil, namun ketika itu aku belum berpeluang untuk *ṣuhbah* dengannya ; dia pulang ke rumahnya sedangkan fikiranku sibuk. Tatkala masuk waktu maghrib, datang seseorang kepadaku lantas berkata : "Darwish Khalil memanggilmu". Maka

aku segera mengambil hadiah ziarah dan bergegas pergi kepadanya. Saat aku beroleh kemuliaan bertemu dengannya, aku ingin bercerita kepadanya tentang mimpi tersebut, namun beliau berkata dalam bahasa Turki : "Aku sudah tahu apa yang engkau lihat, maka tidak perlu lagi menjelaskannya". Jadi cenderunglah hatiku kepadanya. Kata-katanya memberi kesan yang amat mendalam pada diriku dan melalui *ṣuhbah* dengannya aku mencapai *ahwāl* yang tinggi".

Bicara Robbani

Hadrat Shāh Naqsyaband Al-Bukhāri رَضِيَ اللهُ عَنهُ bercerita : "Pada suatu malam aku berkeliling di Zīwartūn hingga sampai ke satu tanah tinggi di situ. Maka datang kepadaku suatu *hāl* yang luar biasa ; dikatakan kepadaku : "Mintalah daripada hadrat KAMI apa sahaja yang engkau mahu".

Maka aku pun bertutur dengan penuh tunduk dan merendahkan diri : "ILAHI, kurniakanlah hamba setitis daripada lautan rahmat dan `ināyah-MU".

Maka dikatakan kepadaku : "Apakah engkau hanya meminta setitis daripada kepemurahan hadrat KAMI".

Seketika itu juga datang kepadaku *hāl* yang lebih besar ; semangat keterbukaan dan ketinggian hemah menggempa seluruh jiwaku, lalu aku menampar wajahku sendiri dengan satu tamparan kuat -hingga aku masih merasakan sakitnya selama beberapa hari- sambil aku berkata : "Wahai Al-Karīm (yang Maha Berbudi), kurniailah kepada hamba lautan rahmat dan `ināyah-MU berserta kekuatan untuk menanggungnya". Maka dengan serta-merta zahirlah kepadaku kesan dari *al-mawhibah* (anugerah) dan *al-*

'ināyah (perhatian), dan dengan barakah itulah aku telah sampai kepada pencapaianku".

Peristiwa di Padang Pasir

Diantara karamahnya yang agung, hadrat As-Syeikh Bahā`uddīn Shāh Naqsyaband menceritakan : "Pada suatu hari aku keluar bersama Muhammad Zahid ke padang sahara. Muhammad Zahid adalah seorang murid sejati. Kami membawa juga cangkul untuk berkerja.

Tiba-tiba berlaku kepada kami suatu *hāl* yang mewajibkan kami meninggalkan cangkul itu lalu berbicara tentang makrifat. Kami terus berada dalam keadaan yang demikian hingga perbicaraan kami sampai kepada makna *al-`ubūdiyyah* (pengabdian) dan berkatalah aku kepadanya : "Seseorang yang sampai ke darjat ini, apabila dia berkata kepada seseorang : "Matilah engkau", maka matilah dia serta merta". Kemudian berlakukah kepadaku bahawa saat itu aku berkata kepada Muhammad Zahid : "Matilah engkau", lalu matilah dia serta merta.

Dia kekal dalam keadaan mati dari waktu dhuha hingga ke tengah hari. Di masa itu cuaca sangat panas, maka aku jadi gelisah dan amat bingung. Aku kemudian berteduh di bawah bayang-bayang yang berhampiran dan duduk dalam keadaan bingung sepenuhnya. Kemudian aku kembali kepadanya dan

melihat keadaannya telah berubah kesan dari panas terik, lalu kegelisahanku semakin bertambah.

Di saat itu dilintaskan dalam hatiku : “Katakanlah kepadanya : “Wahai Muhammad, kembalilah engkau hidup”, maka aku pun mengucapkan itu kepadanya tiga kali. Lalu nyawa mula kembali mengalir ke dalam tubuhnya sedikit demi sedikit, dan aku melihatnya begitu hinggalah dia kembali kepada keadaan asalnya”.

Kemudian dari itu aku telah mendatangi As-Saiyid Kulāl lalu bercerita kepadanya. Apabila aku menyebut bahawa dia telah mati dan aku menjadi bingung kerananya, beliau mengujar : “Wahai anakku, mengapa tidak engkau berkata kepadanya hiduplah kembali?”. Aku menjawab : “Apabila hamba diilhamkan yang demikian itu hamba pun mengucapkannya lalu hiduplah dia kembali”.

Raja-raja Akan Berjalan di Hadapannya

Diantara karamah Syeikh lagi, suatu ketika beliau melihat cucu dari anak perempuannya iaitu Syeikh Hasan Al-`Atthor yang saat itu masih masih kanak-kanak sedang menunggang seekor anak lembu, sementara kanak-kanak yang lain berada di sekelilingnya. Maka datuknya hadrat As-Shāh Naqsyaband mengujar : "Hampir akan tiba masanya dia menunggang, sedangkan raja-raja dan para amir berjalan di hadapannya".

Maka berlakulah seperti yang beliau katakan itu ; saat dewasa Syeikh Hasan pergi ke Khurasan lalu mengadap rajanya iaitu Mīrzā Shāh Rukh رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى di sebuah taman yang bernama Bāgh Zāghān. Raja mengurniakan seekor baghalnya kepada syeikh, maka apabila beliau mahu menunggangnya raja sendiri yang memegang tali kekangnya lalu berjalan di hadapan beliau sehingga keadaan menjadi tenang. Melihatkan itu Syeikh Hasan pun turun dari tunggangan lantas berjalan kaki dengan menghadapkan wajahnya menuju Bukhara sambil menundukkan kepalanya yang mulia dengan penuh tawadhu' dan kerendahan hati terhadap rohaniah datuknya قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيزَ. Kemudian beliau menceritakan kepada raja tentang berita gembira itu

serta terzahirnya karamah tersebut. Maka bertambahlah iqtikad raja dan orang-orangnya terhadap beliau.

Ajaibnya Hati Orang Mukmin

Sidi Muhammad Bin Al-`Atthor menceritakan : "Pada suatu hari Syeikh Muhammad Rāhīn berkata kepadaku : "Bagaimanakah keadaan hatimu?". Aku menjawab : "Tiada hamba mengetahui bagaimana keadaannya". Maka beliau berkata : "Adapun aku, sesungguhnya aku melihat hatimu seperti bulan pada malam ketiga".

Hal itu kemudian aku ceritakan kepada Saiyidina Shāh Naqsyaband. Beliau pun berkata : "Itu adalah berdasarkan penglihatan terhadap hatinya". Ketika itu beliau sedang berdiri, lalu beliau meletakkan kakinya di atas kakiku maka hilanglah aku daripada diriku, lalu aku melihat seluruh alam kewujudan seakan-akan terlipat dalam hatiku.

Apabila aku kembali sedar, beliau berkata : "Jika seperti itulah keadaan hati lalu bagaimana mungkin seseorang dapat benar-benar memahami hakikatnya? Oleh kerana itu disebutkan dalam hadis qudsi :

مَا وَسِعَنِي أَرضِي وَلَا سَمَائِي وَوَسِعَنِي قَلبُ عَبدِي المُؤمِنِ

"Bumi dan langitKU tak dapat meliputiKU, tetapi yang dapat meliputiKU adalah hati hambaKU yang beriman".

Ini sebahagian daripada rahsia-rahsia yang amat halus ; telah fahamlah siapa yang memahaminya".

Kemuliaan Para Awliya' ALLAH

Diantara karamah yang berlaku kepada hadrat Shāh Naqsyaband adalah seperti yang diceritakan oleh Syeikh `Ala`uddin Al-`Atthor bahawa ketika Sultan Abdullah Kājgān datang ke Bukhara, baginda berazam untuk keluar berburu di sekitar wilayah Bukhara dan menitahkan agar rakyat jelata menyertai temasya perburuannya. Saat itu Syeikh sedang berada di sebuah kampung di Bukhara. Apabila penduduk kampung keluar untuk menyertai perburuan itu Syeikh pun keluarlah bersama. Temasya perburuan dimulakan, adapun Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ beliau naik ke sebuah bukit kecil berhampiran mereka lalu mula menampal pakaiannya.

Pada ketika itu terlintas dalam hatinya : "Sesungguhnya para awliya' itu kemuliaan mereka bersama ALLAH, maka kerana itulah para sultan meletakkan kepala mereka di bendul pintu para awliya'". Belum pun selesai lintasan itu tiba-tiba datang seorang pahlawan berkuda yang berhias dengan kelengkapan raja-raja. Apabila sampai kepada Syeikh dia turun dari kudanya dengan penuh penghormatan, lalu datang mengadap dengan sopan santun sempurna dan adab yang tinggi. Dia memberi salam kepada

Syeikh dan berdiri dengan penuh sopan di bawah panas matahari selama kira-kira satu jam.

Lalu Syeikh mengangkat kepalanya seraya berkata : “Apakah yang engkau sedang lakukan?”. Dia menjawab : “Aku sedang berburu, tetapi aku mendapati diriku tertarik ke arah ini tanpa kehendakku. Apabila sampai di tempat ini dan melihatmu Tuan, hatiku cenderung sepenuhnya kepadamu”. Kemudian sang pahlawan mula merendahkan dirinya, menzahirkan tawadhu’ yang sungguh-sungguh dan meminta *madad* (bantuan) rohani daripada Syeikh. Tuan Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ pun berkata kepadanya : “Tinggalkan aku, sesungguhnya aku ini seorang faqīr. Aku berada di kampung ini, lalu Abdullah Kājgān membawa orang ramai untuk berburu, maka aku pun ikut bersama mereka. Namun aku tidak sesuai untuk pekerjaan itu, lalu datanglah aku ke sini”. Sang pahlawan berkata : “Tetapi wahai Tuanku, sesungguhnya Tuan telah memburuku”.

Maka Syeikh pun bangun, memakai pakaiannya Kembali lalu berjalan menuju padang sahara. Pahlawan itu mengikutinya dari belakang. Syeikh terus berjalan dan dia terus mengikuti dalam keadaan yang amat menghina diri, hingga akhirnya Syeikh menoleh kepadanya dengan satu pandangan penuh hebat dan

jalāl (kebesaran) lalu membuatkan sang pahlawan berhenti di tempatnya dan tidak lagi mampu mengikuti Syeikh selepas itu sama sekali".

Syamsuddin Masih Hidup

Seorang murid Syeikh menceritakan : "Aku berkhidmat kepada hadrat Syeikh saat beliau berada di kota Marv. Pada ketika itu aku sangat rindu untuk bertemu keluargaku di Bukhara. Aku juga mendapat khabar bahawa saudaraku Syamsuddin telah meninggal dunia, namun aku tidak berani meminta izin untuk pergi daripada Syeikh. Lantas aku pun meminta kepada Amir Husein -yang ketika itu bersama Syeikh- agar dia meminta izin untukku.

Pada hari Syeikh keluar untuk solat Jumaat, apabila beliau kembali dari masjid, Amir Husein menyampaikan kepadanya khabar kematian saudaraku. Maka Syeikh berkata : "Bagaimana mungkin itu sedangkan dia masih hidup, ini sekarang aku sedang menghidu aromanya yang semerbak, bahkan bau kehadirannya sangat dekat dengan kita". Belum pun habis perbualan mereka itu, tiba-tiba saudaraku datang dari Bukhara lalu memberi salam kepada Syeikh. Maka Syeikh berkata : "Wahai Amir Husein, inilah Syamsuddin". Mereka yang hadir di masa itu pun mengalami *hāl* yang sangat agung".

Melihat Maula `Arif

Syeikh `Ala`uddin Al-Atthor juga menceritakan : "Hadrat Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ berada di Bukhara, sedangkan Maula `Ārif -salah seorang murid kesayangannya- berada di Khawarizm. Pada suatu hari Syeikh sedang berbicara bersama para muridnya tentang sifat *baṣor* (penglihatan ALLAH), di tengah bicaranya itu beliau berkata : "Sekarang ini Maula `Ārif telah keluar dari Khawarizm menuju ke arah Sarāy, dan dia telah sampai ke tempat sekian-sekian di jalan Sarāy", kemudian tak lama selepas itu Syeikh berkata : "Terlintas dalam hati Maula `Ārif untuk tidak meneruskan perjalanan ke Sarāy, dan kini dia telah berpatah balik menuju Khawarizm". Murid-murid yang hadir mencatat bicara ini berserta tarikhnya.

Setelah beberapa waktu Maula `Ārif pun datang dari Khawarizm ke Bukhara, lalu mereka menceritakan kepadanya apa yang telah disebut oleh Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ, maka beliau berkata : "Memang seperti itulah yang berlaku kepadaku dengan tepatnya", maka teman-teman beliau pun merasa amat takjub dengan perkara itu".

Selepas 12 Tahun

Syeikh Abdullah Al-Qōqandi menceritakan : "Sebab aku *ṣuhbah* dengan hadrat Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ ialah kerana sebelum itu telah terjadi kepadaku selama bertahun-tahun di kota Qōqand jiwaku merasa rindu dendam yang menyala-nyala hingga merampas ketenteraman diri dan membuat aku kehausan untuk memasuki jalan ini.

Maka keluarlah aku dari Qōqand mengembara tanpa arah tujuan hingga akhirnya sampai ke Termez. Dalam hal jiwaku yang amat gelisah aku pergi menziarahi makam al-`ārif al-kabīr Abu Muhammad Bin Ali Al-Hakīm At-Tirmidzi قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ. Kemudian aku mendatangi sebuah masjid di tepi sungai Jīhūn dan tidur di dalamnya. Maka bermimpilah aku melihat dua orang Syeikh yang sangat berwibawa. Salah seorangnya berkata kepadaku : "Adakah engkau mengenali kami? Aku adalah Muhammad Bin Ali At-Tirmidzi dan ini adalah Saiyidina Al-Khidr عَلَيهِ السَّلَامُ. Janganlah engkau menyusahkan dirimu dan jangan engkau gundah-gulana, kerana belum tiba waktunya untuk apa yang engkau kehendaki. Tetapi engkau akan sampai kepadanya selepas dua belas tahun di Bukhara melalui tangan Syeikh Bahā`uddīn Shāh Naqsyaband,

yang pada ketika itu akan menjadi *quthb az-zamān*". Maka aku pun terjaga dan ketegangan dalam jiwaku pun reda.

Aku kembali ke Qōqand. Kemudian pada satu hari saat aku berjalan di pasar aku melihat dua orang Turki masuk ke masjid lalu aku mengikut mereka. Mereka duduk berbicara dan aku mendengar perbualan mereka dengan teliti. Aku mendengar mereka bicara hal ehwal tareqat. Hatiku pun menjadi cenderung kepada mereka. Aku segera keluar dan kembali membawa makanan untuk mereka. Salah seorang dari mereka berkata kepada temannya : "Ini di dalam jiwanya punya sifat rindu dendam, sesuailah dia untuk berkhidmat kepada anak sultan kita Syeikh Ishak".

Apabila mendengarkannya aku pun bertanya mereka siapakah syeikh itu. Mereka mengkhabarkan bahawa beliau ada di sekitar Qōqand lalu segeralah aku mendatanginya. Syeikh Ishak melayaniku dengan amat baik. Beliau punya seorang anak lelaki yang tampak pada dirinya sinar kecerdasan dan ikhlas. Pada suatu hari anak beliau itu berkata mengenaiku kepada bapanya : "Sesungguhnya murid ini remuk redam hatinya ; sayogialah ayah mengambilnya menjadi murid kanan dan teman yang rapat", maka

menangislah syeikh dan berkata kepada anaknya itu : "Wahai anakku, lelaki ini adalah anaknya Syeikh Bahā`uddīn, ayah tak punya kuasa keatasnya". Maka pada saat itu pulanglah aku ke Qōqand lalu menunggu masa terzahirnya isyarat tersebut.

Tidak berapa lama sesudah itu hatiku merasa tertarik kuat ke arah Bukhara hingga aku tak mampu menangguhkannya walau sedetik. Aku pun berangkat ke sana. Apabila sampai, aku terus menuju ke hadrat Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ dan ketika aku beroleh kemuliaan melihatnya, beliau berkata kepadaku: "Engkau telah tiba wahai Abdullah Al-Qōqandi. Masih berbaki tiga hari lagi untuk genap tempoh dua belas tahun itu".

Isyarat beliau membuat aku diliputi oleh suatu *hāl* yang aneh, dan terbitlah fajar kebahagiaan kasih beliau di ufuk hatiku. Para hadirin tidak memahami apa yang Syeikh isyaratkan lalu mereka bertanya kepadaku. Apabila aku khabarkan kepada mereka penuhlah segar dan gembira pada mereka. Kemudian Syeikh memberi perhatian sepenuhnya kepadaku dan menerima aku sebagai abdinya قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ.

Apakah Sudah Masuk Waktu Zohor?

Syeikh `Ala`uddin Al-`Atthor menceritakan : "Pada suatu hari yang mendung aku berada di sisi hadratnya. Beliau berkata kepadaku : "Apakah sudah masuk waktu zohor?"

Aku menjawab : "Belum".

Beliau berkata : "Lihatlah ke langit".

Maka aku pun melihat lalu tidak mendapati sebarang *hijab* (penghalang) sama sekali. Aku melihat seluruh malaikat di langit sedang sibuk mendirikan solat zuhur.

Maka beliau berkata lagi : "Bagimana pendapatmu sekarang, apakah waktu zuhur sudah masuk?".

Aku merasa amat malu terhadap apa yang telah terbit dariku. Aku pun beristighfar kerananya dan peristiwa itu membuat aku selama beberapa waktu rasa tertekan di dalam jiwa".

Hubungan Murid Dengan Syeikhnya

Ada seorang murid beliau meriwayatkan : “Suatu hari Tuan Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ mengutusku untuk satu urusan. Apabila kembali, aku melihat para murid berdiri di taman yang kini menjadi tempat makam beliau dengan tangan mereka memegang cangkul dan bakul. Itu membuat aku diselubungi rasa takut yang sangat kuat hingga aku terkena demam menggigil.

Tak lama kemudian Syeikh datang dari rumahnya lalu berkata kepadaku : “Aku lihat engkau berubah”. Aku berkata : “Sejak hamba tiba di sini, hamba ditimpa ketakutan yang amat sangat tanpa mengetahui apa sebabnya”. Beliau berkata : “Tanyalah Amir Husein tentang hal itu”. Maka aku bertanya kepadanya, lalu dia menjawab : “Sebab yang demikian itu adalah para murid sudah datang sejak pagi untuk memindahkan tanah, sedangkan engkau tiada bersama mereka”.

Kemudian Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ kembali ke rumah untuk menyediakan makanan bagi para murid. Tak lama selepas itu kami melihat seorang pemuda datang dari rumah beliau menuju ke arah kami dengan cara terbang di udara sambil hinggap dari satu tempat ke

satu tempat seperti burung. Apabila dia menghampiri kami, dia melintas di atas kepala kami dalam keadaan demikian. Maka terpakulah kami memandangnya dan hampir saja kami akan meninggalkan pekerjaan kami dan mengikut dia.

Sedang kami begitu tiba-tiba Syeikh keluar dari rumahnya serta mengisyaratkan : “Bertenanglah, tunggu hingga aku datang kepada kalian”. Maka merasa amat gerunlah kami dengan kata-katanya itu. Apabila beliau datang dan melihat keadaan kami, beliau berpaling kepadaku seraya berkata : “Hal ketakutan yang menyelubungimu di awal tadi sekarang telah terpantul kepada mereka”.

Kemudian Syeikh berkata : “Adapun pemuda yang terbang tadi adalah seorang lelaki yang pernah aku lihat sedang terbang dalam perjalananku dari Nasaf ke Bukhara. Apabila aku mendekatinya aku berkata kepadanya : “Bagaimana engkau meninggalkan berteman dengan *rijālul ghaib* lalu jatuh dalam duka dan penyesalan ini?”. Dia berkata : “Aku berasal dari negeri sekian dan mereka telah memasukkan daku dalam pertemanan mereka. Pada suatu hari kami duduk di atas sebuah bukit, lalu terlintas dalam hatiku ingatan kepada isteri dan anak. Maka disingkapkan bagi mereka lintasan hatiku tadi

lalu mereka ingin meninggalkan aku. Aku pun segera memegang hujung pakaian salah seorang daripada mereka dan meminta agar mereka menyampaikan aku ke tempat yang berpenghuni. Maka mereka pun membawaku ke tempat ini".

Syeikh berkata : "Aku pun membawanya dari Nasaf ke Bukhara sejak enam hari yang lalu dan meletakkannya di rumahku. Apabila aku kembali untuk menyediakan makanan buat kalian, dia meminta izin untuk pergi, maka aku mengizinkannya. Kemudian ketika aku mahu mendatangi kalian dengan makanan, aku melihat keadaan hilang tumpuan dan kucar kacir hati yang berlaku kepada kalian, maka aku bersegera datang dengan apa yang ku isyaratkan".

Kemudian dengan *tajallī al-jalāl* yang jelas pada dirinya Syeikh berkata : "Sayogialah bagi seorang murid teguh pendirian, tidak digoncang oleh apa pun daripada keadaannya, janganlah iqtikadnya kepada syeikhnya berubah dalam apa jua keadaan, hatta jikalau dia melihat Saiyidina Al-Khidr عَلَيهِ السَّلَامُ sekalipun tetaplah dia tidak berpaling dari Syeikhnya".

Dengan hal dirinya yang terzahir saat itu kehebatan dan kekuasaannya beliau berkata : "Martabat terbang itu perkara yang mudah ; lalat juga

dapat terbang di udara". Beliau selanjutnya memerintahkan Amir Husein رَحِمَهُ اللهُ dan murid-murid yang lain agar mengisi bakul-bakul mereka dengan tanah dan meninggalkannya. Maka mereka pun melakukannya. Lalu Syeikh memberi isyarat kepada bakul itu maka bergeraklah ia dengan sendirinya dan memindahkan tanahnya dan kembali semula kepada kami. Syeikh melakukan itu berkali-kali, kemudian beliau قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ berkata : "Perkara-perkara ini dan yang seumpamanya tidak ada nilainya di sisi *khowāṣ* Ahlillahi Taala".

Murid Yang Terbang di Udara

Syeikh `Ala`uddin Al-`Atthor meriwayatkan bahawa Syeikh Tajuddin salah seorang murid kanan hadrat Syeikh Bahā`uddīn apabila diutus oleh Syeikh untuk suatu urusan dari Qaṣr Al-`Ārifān ke Bukhara, dia akan kembali dalam masa yang sangat singkat. Ini kerana apabila dia sudah lepas dari pandangan para murid, dia akan terbang di udara.

Dia menceritakan : “Pada suatu hari Syeikh mengutusku ke Bukhara untuk satu urusan. Maka pergilah aku dengan cara demikian. Dalam perjalanan itu aku melihat Syeikh, lalu beliau mendapatiku dalam keadaan tersebut, maka beliau telah mencabut keupayaan itu daripadaku. Sejak itu aku tidak lagi mampu melakukannya selama-lamanya”.

Bertemu Saiyidina Khidr

Syeikh Khusraw salah seorang daripada murid besar beliau berkata : "Pada satu hari aku pergi menziarahi hadrat Syeikh. Aku mendapati beliau sedang berdiri di taman di tepi kolam sambil berbicara dengan seorang lelaki yang tidak aku kenali. Apabila aku memberi salam lelaki itu menyisih ke satu sudut taman. Maka Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرُّهُ berkata kepadaku dua kali : "Ini adalah Saiyidina Al-Khidr".

Aku tak berkata apa-apa, bahkan aku diam sahaja. Dengan pertolongan ALLAH Taala aku tidak merasai sebarang kecenderungan kepadanya, baik pada zahir mahupun batin. Kemudian selepas dua atau tiga hari aku melihatnya lagi di taman *khānqāh* (zawiyah) sedang berbicara dengan Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرُّهُ. Selepas dua bulan, aku bertemu lagi dengannya di pasar Bukhara. Dia tersenyum kepadaku, lalu aku memberi salam kepadanya. Dia memelukku, beramah mesra denganku dan bertanya tentang keadaanku.

Apabila aku kembali ke Qaṣr Al-`Ārifān dan berdiri di hadapan Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرُّهُ beliau berkata kepadaku : "Tadi engkau telah bertemu dengan Saiyidina Al-Khidr di pasar Bukhara".

Kisah Saiyid Mahmud

Ada seorang ulama menyertai sekumpulan murid Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرُّهُ dalam permusafiran mereka ke Iraq. Dia menceritakan : "Apabila kami sampai di Simnān, kami mendengar di sana tentang seorang lelaki yang diberkati bernama As-Saiyid Mahmud. Dia seorang yang amat tulus kepada Syeikh Bahā`uddīn. Maka pergilah kami menziarahinya dan bertanya kepadanya apa penyebab hubungannya dengan Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ.

Dia berkata : "Aku pernah bermimpi melihat Saiyidina RasuluLLAH ﷺ berada di satu tempat nan indah, dan di sisi Baginda ada seorang lelaki yang sangat berwibawa. Dengan merendah diri dan beradab aku pun berkata kepada Baginda ﷺ atau kepada lelaki mulia itu : "Sesungguhnya hamba tidak pernah mendapat kemuliaan ber-*ṣuhbah* denganmu Tuan, tiada hamba hadir di zamanmu dan tiada hamba menikmati keberkatan pertemuan denganmu. Semua kebahagiaan itu tiada hamba perolehi. Apakah yang harus hamba lakukan?". Baginda ﷺ pun berkata kepadaku : "Jika engkau ingin mencapai keberkatanku dan beroleh fadhilat melihatku, maka hendaklah engkau mengikuti

Bahā`uddīn", Baginda menunjuk kepada lelaki yang berada di sisi Baginda itu. Sebelum dari mimpi itu aku belum pernah melihat hadrat Syeikh.

Apabila aku terjaga, aku mencatat namanya dan sifatnya-sifatnya di belakang sebuah kitab. Setelah berlalu waktu yang lama, aku sedang duduk di kedai kain lalu melihat seorang lelaki yang bercahaya dan penuh kehebatan datang dan duduk di kedai yang sama. Apabila aku melihat wajahnya, aku teringat kembali sifat-sifat yang telah aku catatkan itu. Maka berlakulah kepada diriku suatu *hāl* yang sangat agung. Apabila keadaan itu reda daripadaku, aku meminta agar beliau sudi bertandang ke rumahku. Beliau menerima undanganku.

Beliau bangun berjalan di hadapanku dan aku berjalan di belakangnya. Tidaklah beliau menoleh ke kiri dan kanan hingga sampai ke rumahku. Inilah karamah pertama yang aku lihat darinya kerana beliau sememangnya belum pernah melihat rumahku sebelum itu. Kemudian apabila masuk, beliau menuju ke bilik khasku yang di dalamnya ada sebuah almari kitabku. Beliau menghulurkan tangannya yang mulia lalu mengeluarkan salah sebuah kitab dan memberikannya kepadaku seraya berkata : "Apa yang telah kau tulis di belakangnya?" Ternyata itu adalah

kitab yang aku tuliskan di belakangnya catatan mimpi tersebut berserta tarikhnya, rupa-rupanya ia sudah berlalu tujuh tahun.

Maka pengetahuannya tentang perkara itu menyebabkan aku mengalami *hāl* yang lebih besar daripada yang sebelumnya. Setelah keadaan itu reda dariku, beliau melayaniku dengan penuh kelembutan, beliau menerimaku menjadi bahagian dari murid-muridnya dan memuliakan aku dengan kebahagiaan berkhidmat di pintunya".

Syeikh Lebih Mengetahui Darimu

Dalam satu peristiwa hadrat Syeikh telah diundang oleh seorang muridnya di Bukhara. Tatkala azan maghrib sudah berkumandang beliau berkata kepada Al-Maula Najmuddin Dādarak : "Adakah engkau akan mematuhi setiap perintahku kepadamu?". Dia menjawab : "Ya". Syeikh berkata : "Sekiranya aku memerintahkanmu mencuri, apakah engkau akan melakukannya?". Dia menjawab : "Tidak". Syeikh bertanya : "Mengapa". Dia menjawab : "Kerana hak-hak ALLAH dapat diganti dengan taubat, tetapi soal ini termasuk dalam hak hambaNYA". Maka Syeikh berkata : "Jika engkau tidak mematuhi perintah kami, maka janganlah engkau ber-*ṣuhbah* dengan kami".

Al-Maula Najmuddin jadi amat ketakutan mendengarkan itu, bumi terasa sempit baginya walaupun luas terbentang. Dia segera menyatakan taubat dan penyesalan serta berazam untuk tidak lagi menyalahi sebarang perintah Syeikh. Para hadirin merasa belas kasihan kepadanya lalu memohon syafaat agar Syeikh memaafkannya. Maka Syeikh pun memaafkan dia. Kemudian dari itu Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ keluar dengan ditemani oleh beberapa orang muridnya termasuk Al-Maula Najmuddin yang turut berkhidmat

hingga sampailah mereka ke kawasan Bāb Samarkand. Di sana Syeikh menunjuk ke sebuah rumah lalu berkata : "Pecahkan dindingnya dan masuklah. Kalian akan mendapati di tempat sekian-sekian sebuah beg yang penuh dengan barang-barang. Bawalah ia ke mari". Para murid pun melakukannya.

Kemudian mereka bergerak ke sebuah zawiyah di situ dan duduk. Tidak lama selepas itu mereka mendengar gerombolan anjing menyalak. Syeikh mengutus Al-Maula Najmuddin bersama beberapa rakannya ke rumah tersebut lalu mereka mendapati sekumpulan pencuri telah melubangi dinding dari arah lain dan masuk, tetapi tidak menemukan apa-apa. Para pencuri itu berkata sesama mereka : "Ada kumpulan pencuri telah mendahului kita dan mengambil isi rumah ini". Maka merasa takjublah murid-murid Syeikh dengan kejadian itu.

Pemilik rumah ketika itu sedang berada di kebunnya. Pada esok paginya Syeikh menghantar kembali harta itu kepadanya melalui seorang murid, dan memerintahkan agar disampaikan kepadanya : "Para fuqara telah melalui rumahmu dan menilik kepada perkara ini, lalu mereka menyelamatkan pakaian itu daripada kumpulan pencuri". Kemudian Syeikh memandang Al-Maula Najmuddin dan berkata

: “Sekiranya engkau mentaati perintah sejak awalnya nescaya engkau akan mendapat hikmah yang lebat”.

Tepung Yang Tidak Habis

Diriwayatkan bahawa seorang murid Syeikh berkata : "Di suatu hari hadrat Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ datang menziarahiku. Saat itu aku merasa amat malu kerana di rumahku tidak ada tepung. Aku segera mendapatkan sebekas tepung. Syeikh berkata kepadaku : "Buatlah roti daripada tepung ini dan jangan engkau khabarkan sesiapa darihalnya sama ada sedikit ia ataupun banyak". Maka duduklah Syeikh di rumahku selama sepuluh bulan dan murid-muridnya serta para pencintanya bertali arus datang menziarahi beliau di rumahku. Kami sentiasa memasakkan roti untuk mereka daripada tepung itu. Sepanjang tempoh tersebut tetaplah takaran tepung tidak berkurang dari asalnya.

Kemudian dari itu aku telah mengkhabarkan kepada isteriku dan dengan itu aku telah melanggar perintah Syeikh. Maka hilanglah keberkatan itu dan tepung pun habis dalam masa yang sangat singkat. Peristiwa ini menjadi sebab paling besar yang menguatkan keyakinanku terhadap sempurnanya kewalian Syeikh dan agung karamahnya".

Buah Tembikai di Musim Bunga

Syeikh Muhammad Zahid menceritakan : "Di tahap permulaan *sulūk* aku duduk bersama hadrat Syeikh قَدَّسَ اللّٰهُ سِرَّهُ di musim bunga. Nafsuku menginginkan buah tembikai, lalu aku memintanya daripada beliau. Berdekatan kami ada air yang mengalir. Beliau berkata : "Pergilah engkau ke air itu". Maka aku pun pergi lalu mendapati di sana sebiji tembikai yang keadaannya baru sahaja dipetik. Aku pun beroleh iqtikad yang sempurna terhadap Syeikh, semoga ALLAH memberi manfaat kepada kita dengan barakahnya" (kerana di negeri empat musim, buah tembikai adalah buah yang hanya ada di musim panas sahaja).

Adab Dengan Guru

Diriwayatkan daripada seorang murid Syeikh bahawa dia menceritakan : "Tatkala aku mendapat kemuliaan ber-*ṣuhbah* dengan beliau قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ maka Syeikh Shādī -salah seorang murid kanan hadrat Syeikh- sering kali menasihati, mendidik dan mengajarkan adab kepadaku. Antara perkara yang beliau ajarkan ialah jangan ada seorang pun daripada kami yang melunjurkan kakinya ke arah tempat yang di situ Syeikh berada.

Pada suatu hari aku datang dari Ghaziyūt ke Qaṣr Al-`Ārifān untuk menziarahi Syeikh dan masa itu cuacanya panas yang sangat Terik. Dalam perjalanan aku berteduh di bawah sebatang pokok lalu berbaring. Tiba-tiba seekor haiwan datang dan menyengat kakiku dua kali. Aku pun bangun dalam kesakitan yang sangat kuat, kemudian aku kembali berbaring. Untuk kali ketiga ia datang lagi dan menyengatku juga. Maka duduklah aku berfikir panjang mengapa itu terjadi kepadaku sehingga teringatlah aku nasihat Syeikh Shādī. Diriku menyedari bahawa aku telah melunjurkan kakiku ke arah Qaṣr Al-`Ārifān, sedangkan Syeikh ketika itu berada di sana. Maka tahulah aku bahawa apa yang berlaku tadi adalah satu

bentuk didikan rohani diatas kelalaian yang terlanjur olehku".

Berjalan Diatas Air

Syeikh `Ala`uddin menceritakan bahawa hadrat Syeikh pernah menyuruh Amir Husein mengumpulkan kayu api yang banyak saat musim dingin. Apabila perintah itu selesai dilaksanakan pada keesokan harinya ALLAH menurunkan salji yang sangat lebat sehingga turunnya sebanyak empat puluh kali. Kemudian pada ketika itu Syeikh bermusafir ke Khawarizm dan Syeikh Shādī berkhidmat mengiringi beliau.

Apabila mereka sampai ke Sungai Harām, Syeikh memerintahkan agar muridnya itu berjalan di atas air. Maka berasa takutlah si murid. Syeikh kembali menyuruhnya dan berulang kali menyuruhnya namun dia masih belum melakukannya. Maka Syeikh pun memandangnya dengan suatu pandangan yang amat hebat sehingga si murid "ghaib" daripada dirinya seketika. Apabila kembali sedar dia pun meletakkan kakinya di atas permukaan air lalu berjalan di atasnya dan Syeikh mengikutinya dari belakang. Setelah mereka melintasi sungai itu Syeikh pun berkata : "Lihatlah, apakah ada basah pada *khuf* (setokin kulit)mu atau tidak?". Maka Syeikh Shādī melihatnya, dan tidak mendapati sebarang basah sama sekali dengan izin ALLAH Taala".

Mahabbah

Ada seorang murid Syeikh menceritakan : “Sebab aku mencintai hadrat Syeikh dan ber-*ṣuhbah* dengannya قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ ialah bahawa pada suatu hari aku berada di pasar Bukhara di kedai milikku, maka beliau telah datang lalu duduk di kedaiku dan mula membicarakan sebahagian dari biografi As-Syeikh Abu Yazid Al-Busthomi sehingga beliau berkata : “Antara yang disebutkan dari *manāqib*-nya ialah beliau berkata : “Jikalau hujung pakaianku menyentuh seseorang, nescaya jadilah dia pencintaku, sangat terpaut kepadaku dan berjalan di belakangku”. Maka aku (Syeikh Bahā`uddin) berkata : Jikalau aku menggerakkan lengan bajuku, nescaya aku akan menjadikan semua warga Bukhara -yang besar dan yang kecilnya- hanyut dalam cinta kepadaku hingga meninggalkan rumah dan kedai mereka kerana mengikut aku”.

Di saat itu beliau meletakkan tangannya yang diberkati pada lengan bajunya. Tiba-tiba pandanganku tertumpu kepada lengan bajunya, lalu aku diliputi oleh suatu *hāl* yang menyebabkan aku “hilang” dari diriku sendiri selama tempoh waktu yang panjang. Apabila aku kembali sedar kehebatan mahabbah Syeikh telah

menguasai diriku sepenuhnya. Aku pun meninggalkan rumah dan kedai lalu melazimi khidmat kepada beliau".

Meminta Anak Lelaki

Seorang murid Syeikh menceritakan : "Aku pernah memohon kepada beliau قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ agar berdoa kepada ALLAH meminta diriku dikurniai seorang anak lelaki. Maka beliau pun berdoa untukku, lalu lahirlah seorang anak lelaki dengan berkat doanya itu. Akan tetapi anak-ku kemudian meninggal dunia, maka aku pun mengkhabarkan kepada beliau.

Hadrat Syeikh berkata : "Engkau telah meminta daripada kami dirimu beroleh anak lelaki. ALLAH pun mengurniakannya kepadamu dan kemudian mengambilnya kembali. Namun kami berharap kepada ALLAH Taala agar dengan berkat doa para fuqara' DIA mengurniaimu dua orang anak lelaki yang panjang umur.

Tidak lama selepas itu lahirlah untuk-ku dua orang anak lelaki. Salah seorang anakku jatuh sakit, lalu aku mengkhabarkan kepada beliau. Syeikh berkata : "Dia adalah anakku ; mengapa engkau terlalu sibuk dengannya? Dia akan sering sakit dan kemudian akan sembuh". Dan memang demikianlah sebagaimana yang beliau katakan رَضِيَ اللهُ عَنهُ".

Jangan Memusuhi Awliya' ALLAH

Diriwayatkan daripada Syeikh `Ārif Ad-Dīkarānī, -salah seorang khalifah besar As-Saiyid Amīr Kulāl قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ- bahawa beliau berkata : "Pada suatu hari kami pergi menziarahi hadrat Syeikh Bahā`uddīn di Qaṣr Al-`Ārifān. Apabila kembali ke Bukhara, bersama kami ada sekumpulan fuqara'. Tiba-tiba seorang daripada mereka bercakap yang tidak baik mengenai Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Kami pun menegurnya dan berkata : "Sesungguhnya engkau tidak mengenal beliau, lagi tidak harus bagimu bersangka buruk dan jahat adab terhadap para awliya' ALLAH Taala".

Namun dia tidak berhenti berkata jahat. Tiba-tiba seekor tebuan masuk ke dalam mulutnya dan terus menyengatnya. Dia mengalami kesakitan yang sangat kuat sehingga tidak mampu bertahan. Kami berkata kepadanya : "Inilah akibatnya engkau jahat adab kepada Syeikh". Maka menangislah dia berpanjangan lalu bertaubat dan kembali rujuk kepada ALLAH, maka dengan serta-merta dia pun sembuh".

Inilah Waktunya Pertolongan

Pasukan tentera wilayah Padang Sahara Qipchaq telah datang mengepung kota Bukhara selama beberapa waktu, maka para warga pun ditimpa musibah yang sangat berat dan ramai dari mereka yang binasa. *Amīr* (pemerintah) kota mengutus beberapa orang pembesar utamanya kepada Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ untuk menyampaikan : "Sesungguhnya kami sekarang telah benar-benar tidak mampu lagi untuk menentang musuh, segala rancangan kami telah musnah dan semua jalan telah terputus. Tiada lagi tempat berlindung bagi kami daripada kezaliman mereka melainkan kepadamu Tuan Syeikh. Maka harap Tuan merayulah kepada ALLAH Taala agar DIA menyelamatkan kaum Muslimin daripada tangan musuh. Inilah waktunya pertolongan dan inilah saatnya menyelamatkan".

Maka hadrat Syeikh berkata kepada mereka : "Pada malam ini kami akan bermunajat merayukan kepadaNYA, dan semoga kita akan melihat apa (kelegaan) yang akan dilakukan oleh Robbul `Izzah جَلَّا جَلَالُهُ". Apabila fajar menyingsing, beliau mengkhabarkan kepada mereka : "Bahawa aku telah diberi khabar gembira akan terangkatnya bala ini

sesudah enam hari, lalu sampaikanlah berita gembira ini kepada *amīr* kalian". Jadi amat besarlah kegembiraan penduduk Bukhara dengan berita ini dan berlakulah sebagaimana yang beliau nyatakan ; setelah enam hari tentera musuh benar-benar menghentikan kepungan dan berundur meninggalkan kota itu sepenuhnya.

Pandangan Kaum Sufi

Syeikh Shādī menceritakan : “Apabila aku mendapat kebahagiaan beroleh mahabbah Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ maka menjadi ringanlah bagiku untuk berkorban dan *ītsār* (mengutamakan orang lain). Pada suatu hari terkumpul-lah bagiku seratus dinar. Maka keluargaku menyarankan agar aku menyimpannya. Disebabkan lemahnya keyakinan ketika itu, aku telah menyetujui saranan mereka.

Kemudian aku pergi ke Bukhara lalu membeli sepasang *khuf* daripada kulit kemikhtī dan beberapa barang lain. Selepas itu aku kembali dengan tujuan menziarahi hadrat Syeikh di Qaṣr Al-`Ārifān. Apabila mengadapnya beliau berkata : “Mengapa engkau pergi ke Bukhara?”.

Aku menjawab : “Ada keperluan yang mendatangi hamba di sana”.

Beliau berkata : “Bawakan kepadaku *khuf* kemikhtī itu dan apa saja yang telah kau beli”. Maka aku pun segera membawakannya.

Beliau berkata lagi : “Dan bawakan juga baki dari seratus dinar itu”. Maka aku pun membawanya.

Beliau lantas memandangku dan berkata : “Sekiranya aku mahu, nescaya aku boleh menukar gunung ini menjadi emas untukmu dengan izin ALLAH عَزَّ وَجَلَّ. Namun tidaklah patut bagi kita di alam fana ini memberi perhatian kepada perkara-perkara sebegini. Sesungguhnya pandangan golongan kita (kaum Sufi) adalah apa yang di sebalik alam ini. Maka bagaimana engkau boleh menyimpan (harta), sedangkan engkau tahu bahawa apa yang telah ditetapkan untukmu tidak akan berkurang darinya sedikit pun? Aku menasihatimu agar tidak lagi kembali kepada perkara seperti ini”.

Menghembus Nafas Terakhir

Al-Maula Muhammad Miskīn adalah dari kalangan murid kanan hadrat Syeikh. Beliau menceritakan : "Seorang lelaki yang soleh telah wafat di Bukhara, maka Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ pergi untuk menyampaikan takziah kepada keluarganya. Kelihatan ahli keluarga almarhum dan para muridnya menzahirkan kesedihan yang amat melampau serta melakukan perkara-perkara yang tidak disukai oleh para hadirin (seperti perbuatan meratapi kematian yang dilarang oleh agama). Maka mereka ditegur dan dicela atas perbuatan itu.

Lalu Syeikh berkata : "Nanti apabila kematian mendatangiku, aku akan mengajari para fuqara' bagaimana seharusnya mereka mati".

Al-Maula Muhammad berkata : "Apa yang dikatakan oleh Syeikh terus kekal dalam fikiranku, sehinggalah beliau jatuh sakit buat kali yang terakhirnya. Beliau pergi ke *ribāth* (zawiyah), lalu masuk ke ruang *kholwah*-nya. Para murid pun berdatangan menziarahinya serta melazimi khidmatnya dan beliau berwasiat kepada setiap diri mereka mengikut hal masing-masing. Kemudian

Syeikh mengangkat kedua tangannya lalu berdoa, setelah itu menyapu wajah dengan tangannya dan kemudian Syeikh pun kembali kepada Tuhan-nya".

Syeikh Ali Ad-Dāmād salah seorang khadam hadrat Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ menceritakan : "Syeikh telah memerintahkan aku untuk menggali kuburnya yang bercahaya. Saat aku telah menyempurnakan perintah itu terlintaslah dalam hatiku pertanyaan : Siapakah yang akan menggantikan Syeikh sebagai khalifah dalam kaumnya?". Maka beliau mengangkat kepalanya yang diberkati lalu berkata : "Perkara ini adalah tetap sebagaimana yang telah kami sebutkan dalam perjalanan ke Hijaz ; barangsiapa yang suka mengikutku, maka hendaklah dia mengikut Muhammad Yārsā". Kemudian beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ wafat pada keesokan harinya".

Syeikh `Ala`uddin Al-`Atthor menceritakan : "Ketika hadrat Syeikh قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ sedang dalam nafas-nafasnya yang terakhir kami duduk membaca Surah Yāsīn. Apabila kami sampai di pertengahan surah, cahaya-cahaya mula memancar, maka kami pun memperbanyak bacaan tahlil".

Hadrat Syeikh Muhammad Bahā`uddīn Shāh Naqsyaband Al-Bukhāri telah wafat pada malam Isnin,

3 Rabi`ul Awwal tahun 791 Hijrah, dalam usia 74 tahun. Beliau dimakamkan di kebunnya , di tempat yang telah beliau wasiatkan. Para pengikutnya membina sebuah kubah besar di atas makamnya ; mereka memakmurkan kebunnya itu dan mengubahnya menjadi masjid yang luas. Raja-raja mempersembahkan wakaf-wakaf yang banyak untuk beliau serta memberi perhatian besar kepada kompleks makamnya رَضِيَ اللهُ عَنهُ.

Kesemua yang tertulis ini dapat dirujuk dalam kitab *Al-Hadāiq Al-Wardiyyah fi Haqāiqi Ajilā' An-Naqsyabandiyyah* karangan Al-Quthb Sidi Abdul Majid Bin Muhammad Al-Khāni.